

No. Rujukan: MKL.200-7/4/5 Jld. 9 (50)

Tarikh: 21 Julai 2022

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

HEBAHAN PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Niat Suci Sdn Bhd selaku Pengurus Fasilitas Bangunan MKL (FM) akan **melaksanakan kerja-kerja Menaiktaraf Temperature Meter** di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Dalam perkara ini, kerja-kerja menaiktaraf tersebut akan melibatkan **gangguan bekalan elektrik** di seluruh Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh / Masa Mula:	22 Julai 2022 (Jumaat) / 6.00 petang
Tarikh / Masa Tamat:	24 Julai 2022 (Ahad) / 2.00 pagi
Kerja-kerja / Punca Gangguan Bekalan Elektrik:	Kerja-Kerja Menaiktaraf Temperature Meter kepada Temperature Digital Meter
Lokasi yang terlibat:	Seluruh Bangunan MKL; dan Bangunan Taska MKL
Pegawai yang boleh dihubungi	Unit Pembangunan dan Senggara: No. Ext.: 03-6209 4664

	Niat Suci Sdn Bhd: No. Ext.: 03-6209 4838
--	---

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memastikan semua peralatan elektrik di ruang kerja masing-masing ditutup** bagi mengelakkan sebarang kerosakan semasa dan selepas kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan. Bagi tujuan keselamatan, Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan bersama Unit Keselamatan akan turut serta bagi memantau sepanjang kerja-kerja tersebut dilaksanakan.

4. Segala kesulitan amatlah dikesali. Sekian untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Unit Pembangunan & Senggara
Bahagian Pengurusan
b.p. Pengarah
Mahkamah Kuala Lumpur